

# USIM johan pertandingan cipta lagu

SEREMBAN 11 Okt. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melakar sejarah apabila buat pertama kali muncul johan dalam Pertandingan Cipta Lagu dan Nyanyian Solo Lagu Patriotik Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) yang berlangsung di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, baru-baru ini.

Pertandingan yang disertai oleh 12 institusi pengajian tinggi awam

(IPTA) itu menyaksikan Mohd. Nurhakimi Md. Yaman yang mewakili USIM dipilih sebagai juara menerusi dendangan lagu bertajuk 'Satu Hati Satu Malaysia'.

Lagu ciptaan Shukri Sahari dan lirik oleh Ismail Ahmed dari Unit Kebudayaan USIM itu membolehkannya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2,000 serta piala iringan.

Menurut Mohd. Nurhakimi yang

pertama kali menyertai pertandingan tersebut, dia tidak menyangka bahawa kemenangan akan berpihak kepada USIM.

"Saya terkejut dipilih sebagai johan kerana saingan amat sengit memandangkan IPTA lain mempunyai fakulti muzik tersendiri dan juga memberikan persembahan yang mantap.

"Kemenangan ini memberi motivasi kepada saya untuk terus ber-

usaha lebih gigih lagi," katanya.

Sementara itu bagi Shukri, saingan amat sengit kerana peserta lain memberi penghayatan yang sepenuhnya dalam memberikan persembahan terbaik.

"Pertandingan ini merupakan landasan terbaik dalam usaha menanam rasa cinta kepada negara sekali gus menghayati erti kemerdekaan sebagai menghargai pengorbanan dan usaha pemimpin

terdahulu.

"Apabila penghayatan ini disampaikan dalam bentuk nyanyian, ia secara tidak langsung dapat dikongsi oleh segenap lapisan masyarakat," ujarinya.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Dr. Azali Mohamed.